



MAU'IZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

2



SIRI 12 / 2021



TAJUK : MENGHAYATI ERTI KEMERDEKAAN MELALUI MANHAJ RABBANI

PENCERAMAH :
USTAZ MOHD HAFIZ MOHD HASSAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN

#BahagianHalEhwalIslamUiTMS Shah Alam
#MasjidUiTMS Shah Alam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

MENGHAYATI ERTI KEMERDEKAAN

Melalui Manhaj Rabbani

Erti Kemerdekaan

"Merdeka bermaksud **BEBAS** daripada penjajahan, kurungan, naungan dan sebagainya. Ia juga bermaksud lepas daripada tebusan atau tuntutan serta berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain."

Di dalam bahasa Arab, kemerdekaan disebut sebagai (استقلال) yang bermaksud **BEBAS** dari campur tangan asing

حرية الشخص الطبيعي أو الاعتباري من تدخل الغير في شؤونه الخاصة أو
تقوؤه المباشر أو الغير المباشر

Kebebasan seseorang secara hakiki daripada campur tangan orang lain dalam urusan peribadinya atau **pengaruhnya** secara langsung atau tidak langsung

اصطلاح

استقل البلد

استكمل سيادته وانفرد بإدارة شئونه الداخلية والخارجية، ولا

يخضع في ذلك لرقابة دولة أخرى

Negara merdeka: laitu mencapai kedaulatan dan mengurus pentadbiran dalaman dan luarnya secara bebas, tanpa campurtangan negara luar

هى التصرف فى الأمور المشروعة، من غير اعتداء على الآخرين وعلى حقوقهم، فيكون ذلك مُقيّداً بالشرع وأوامره ونواهيهِ التى تهدف إلى جلب الخير، والابتعاد عن الشر

Kebebasan dalam Islam ialah melakukan sesuatu perkara dengan betul, tanpa mengganggu orang lain dan mencabuli hak mereka serta mematuhi hukum syariat sama ada perintah dan larangannya bertujuan mendapatkan kebaikan dan menjauhi kejahatan.

Ghalib bin Ali 'Awaji (2006), Mazahib al-Fikriah al-Mu'asirah wa Dawiruha fi al-Mujtami'at wa Mawquf al-Muslim Minha, al-Maktabah al-'Asriah al-Zahbiah, Jeddah.

الحرية في الاسلام

Pandangan Tokoh

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

"Kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat. Rakyat perlu berkhidmat untuk negara yang baharu, berusaha dengan tenaga dan fikiran bagi mencipta satu bangsa baharu dengan cita-cita keadilan dan kebebasan."

Sumber: Ibrahim Mahmood, 1981. Sejarah Perjuangan



IR. SOEKARNO, PRESIDEN INDONESIA

"Kemerdekaan bererti bebas selama-lamanya. Kebebasan ini merangkumi kebebasan untuk berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik. Pandirlah sesuatu bangsa penjajah jika berfikir bangsa yang dijajah itu akan terus didominasi oleh mereka. Rakyat yang dijajah akan menganggap hilangnya dominasi asing sebagai satu pembebasan. Kemerdekaan akan membentuk masyarakat baharu yang demokratik tanpa kelas dan kasta."



SAYYID JAMAL AL-DIN AL-AFGHANI



30 milip: 8/ma = 40 Ia = 0a = 4a byu00 = 8by. Bata: 7p m. l use 7p k0 l 3ayn0 Ia mal 3a 0 = a

"Hanan"

"Hanya ajaran dan amalan agama yang betul akan memerdekakan manusia daripada bertaklid dan pasrah secara membuta tuli kepada mana-mana makhluk. Dalam masa yang sama agama juga menjadi pengimbang kepada penggunaan rasional akal secara berlebihan."

SUMBER: Mulbu Abd. Mu, 29 Ogos 2019, B1 merdeka yang Sebenar, Sinar Harian, <https://www.sinarharian.com.my/artikel/45330/KO-LUMBA-B1-merdeka-yang-sebenar>

Ancaman Kemerdekaan

1

Penjajahan Pemikiran dan Ideologi (غزوة الفكر)

Penyerangan ideologi penjajah terhadap umat Islam dengan perbagai strategik melalui kumpulan-kumpulan NGO yang membawa ideologi bertentangan dengan Islam dengan menggunakan saluran media sosial seperti program televisyen, artikel surat khabar, Internet, blog dan siaran radio bertujuan memurtadkan umat Islam dan menjauhkan mereka daripada nilai-nilai ajaran Ilahiah

2

Penjajahan Ekonomi Negara

Negara berkuasa besar mengeksploitasi ekonomi dengan mewujudkan *General Agreement Tariffs and Trade* (GATT) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi menguasai dan mengawal aktiviti ekonomi negara-negara membangun.

3

Penularan Budaya Barat

Mereka mempengaruhi golongan muda Islam dengan budaya Hendonisme, Gengsterisme, Punk, LGBT dan Black Metal bertujuan meracuni pemikiran mereka bahawa kononnya agama Islam tidak lagi relevan


Manhaj Rabbani

Manhaj Rabbani merupakan satu sistem yang mengembalikan pemahaman seorang hamba yang bergantung kepada tuhanNya secara mutlak dalam memahami matlamat kehidupannya dan makrifatullah

وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا

كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.



Manhaj Rabbani

1

Elemen Thaqaifi

Pendekatan keilmuan Islam (*al-thaqāfah al-Islāmiyyah*) yang sempurna dan tarbiah akhlak sebagai komponen penting dalam memantapkan manhaj Rabbani. Ketaa-tan kepada Allah perlulah disusuli dengan keilmuan yang mantap, faqih, serta bersifat lemah lembut.

2

Elemen Ruhi

Mendidik roh dengan melaksanakan amal ibadah, serta meningkatkan martabat *al-nafs* sehingga ke darjat kesempurnaan. Antara mekanisme pelaksanaan elemen rūhī ialah dengan zikrullah, tilawah al-Qur'an, dan pengamalan wirid-

3

Gerakan Dakwah

Memerlukan satu sistem dakwah yang teratur dalam organisasi Islam. Terdapat tiga rukun utama sesebuah organisasi Islam iaitu barisan pimpinan yang berwibawa (*qiyādah*), sistem penyusun dan pengurusan yang tersusun, serta para pengikut yang ditarbiah lagi setia (*junḍiyyah*).

1**Kebebasan
Pendapat****Berfikir/****Memberi**

Kebebasan bersuara perlu dipandu dengan bimbingan dakwah Rabbani agar tidak terpesong dan melanggar hukum-

2**Kebebasan Beribadah**

Merdeka dalam erti kata bebas melaksanakan ibadah tanpa gangguan dan ancaman serta menghadirkan elemen Ruhi Rabbani dalam melaksanakannya

3**Kebebasan Bersosial**

Merdeka dalam erti kata bebas membudayakan aktiviti sosial melalui media dengan pendekatan dakwah Rabbani

4**Kebebasan Ekonomi**

Kemerdekaan beerti bebas melaksanakan aktiviti ekonomi berlandaskan elemen Thaqafi dalam ilmu perniagaan Islam bagi

BAGAIMANA MANHAJ RABBANI
DAPAT
MEMBERI PENGHAYATAN URTI
KEMERDEKAAN

Kesimpulan


قال الله عَزَّ وَجَلَّ

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ الْآرِضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ
كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾

سورة فاطر: ٩

Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka, dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.

(Surah Fatir :9)



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah
Menghayati Kemerdekaan Melalui Manhaj Rabbani



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

UNIT PENDIDIKAN DAN BIMBINGAN
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM
PEJABAT NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA